

RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan adalah **kurang memuaskan**

RM395 juta
 Jumlah terimaan dana bagi program
 pembiayaan tahun 2021
 (11 Program)

RM542.50 juta
 Jumlah penyaluran dana kepada
 usahawan bagi tahun 2021
 (11 Program)

PENGURUSAN DANA


Disalur Ikut Peruntukan

CBRM 2.0

- Terima: RM50 juta
- Salur: RM49.86 juta (99.7%)
- Tempoh salur: **2 bulan;**
4,063 usahawan

SPIN 2.0

- Terima: RM50 juta
- Salur (2021): RM49.48 juta (99%)
- Tempoh salur: **5 bulan;**
7,576 usahawan



Kurang Disalur

Sukan
SPIN 1.0
 Komuniti Lain
 Veteran
 Mikro Kredit Wanita
 POS-preneur

Lebih Salur

TEKUN - Bumiputera

- Terima: RM200 juta
- Tempoh salur: **8 bulan;**
6,835 usahawan
- Salur (2021): **RM374.63 juta**
(187.3%); 11,756 usahawan
- Tambahan dana **RM19.63 juta**/
 RM174.63: Sumber & kelulusan
 Lembaga Amanah tidak dapat
 disahkan

SPUMI

- Terima: RM20 juta
- Tempoh salur: **6 bulan;**
840 usahawan
- Salur (2021): **RM30.44 juta**
(152.2%); 1,369 usahawan
- Tambahan dana **RM10.44 juta**:
 Sumber & kelulusan Lembaga
 Amanah tidak dapat disahkan

TEKUN Mobilepreneur 4.0

- Terima: RM5 juta (Dana SPIN 1.0)
- Tempoh salur: **5 bulan;**
528 usahawan
- Disalur (2021): **RM9.06 juta**
(181.2%); 957 usahawan
- Kelulusan Lembaga
 Amanah/kementerian bagi
 penggunaan dana SPIN 1.0
RM9.06 juta tidak dapat disahkan

AKTIVITI PEMBIAYAAN

5 Program: TEKUN Bumiputera - Kontrak-i; SPUMI; CBRM 2.0; SPIN 2.0; TEKUN Mobilepreneur 4.0

Pemohonan Pembiayaan

- **13/80** usahawan tidak mengisi borang dengan lengkap;
 dan **17/80** usahawan tidak kemuka dokumen lengkap
(RM0.74 juta)
- sistem permohonan TEKUN Online digodam

Kelulusan Pembiayaan

- **kurang kawalan** sistem pemarkahan kredit
- **56/80** permohonan lewat proses (hingga 50 hari)
- **13** usahawan **SPIN 2.0** diluluskan tempoh bayaran
 balik melebihi ketetapan

Aktiviti Program/Skim

- **28/80** usahawan tidak lagi beroperasi
- **26/28** usahawan: tunggakan enam bulan ke atas
RM102,313

Bayaran Balik

- **65/80** (81.3%) usahawan: tidak ikut jadual
- **RM0.64 juta** tunggakan (hingga 14 bulan)
- **1** bayaran kerja siap bagi skim Kontrak-i diakaunkan
 ke usahawan dan bukan TEKUN Nasional
(RM166,083)

Tunggakan

- **54/80** (67.5%) usahawan $\geq$ 6 bulan tunggakan
- **38/54** (70.4%) usahawan tidak dikeluarkan notis
 tuntutan (RM301,187)
- **12/54** (22.2%) usahawan: 2 - 4 jenis pembiayaan
 aktif
- **RM347.79 juta** baki hutang lapuk

PENGURUSAN DANA DAN AKTIVITI PEMBIAYAAN TABUNG EKONOMI KUMPULAN USAHA NIAGA (TEKUN) NASIONAL

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- TEKUN Nasional telah ditubuhkan pada 9 November 1998 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan. Objektif penubuhan TEKUN Nasional adalah untuk menyediakan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan; menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan TEKUN Nasional; mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan; memupuk budaya keusahawanan dan menabung dalam kalangan usahawan; dan memastikan pinjaman yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain.
- Aktiviti utama TEKUN Nasional adalah untuk membantu usahawan mikro bagi memula dan mengembangkan perniagaan dengan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa program pembiayaan.
- Pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan TEKUN Nasional yang dinilai ialah 11 program/skim yang diperuntukkan bajet oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada tahun 2021. Daripada 11 program ini, lima program dijalankan pengauditan lanjut iaitu TEKUN - Bumiputera, Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (Covid Business Recovery Micro - CBRM) 2.0, Skim Pembiayaan Usahawan Informal (SPIN) 2.0 dan TEKUN Mobilepreneur 4.0. Dana lima program ini telah disalurkan kepada usahawan hampir keseluruhannya atau melebihi peruntukan yang diterima. Skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil) [Kontrak-i]¹ dipilih sebagai sampel bagi program Bumiputera kerana mempunyai nilai pembiayaan tertinggi.
- Aktiviti pembiayaan melibatkan permohonan pembiayaan, kelulusan pembiayaan, aktiviti program/skim pembiayaan, bayaran balik pembiayaan, dan tunggakan pembiayaan.

¹ Program KONTRAK-i (salah satu program/skim yang menerima peruntukan di bawah program Bumiputera) mempunyai lima skim pembiayaan di bawahnya iaitu skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil), KONTRAK-i (Perkhidmatan), KONTRAK-i (Pembuatan), KONTRAK-i (Peruncitan), dan KONTRAK-i (Pertanian). Sehubungan itu, penggunaan "Kontrak-i" merujuk kepada sampel Audit iaitu skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Matlamat penubuhan TEKUN Nasional adalah untuk memberi peluang perniagaan serta penjana pendapatan, menyediakan pembiayaan modal perniagaan, menyediakan perkhidmatan bimbingan dan sokongan, serta menyediakan jaringan usahawan.
- Sejak penubuhannya, TEKUN Nasional menerima dana melalui pinjaman dan geran Kerajaan berjumlah RM4.180 bilion.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan bagi lima program/skim adalah kurang memuaskan.
- Sejumlah RM395 juta (81.4%) dana yang diperuntukkan bagi 11 program diterima. Setakat 31 Disember 2021, dana bagi dua program disalurkan kepada usahawan mengikut peruntukan iaitu CBRM 2.0 dan SPIN 2.0. Dana bagi tiga program telah disalurkan kepada usahawan melebihi peruntukan iaitu TEKUN - Bumiputera RM374.63 juta (187.3%) dengan lebih RM174.63 juta, SPUMI RM30.44 juta (152.2%) dengan lebih RM10.44 juta, dan Mobilepreneur 4.0 RM9.06 juta (181.2%) dengan lebih RM4.06 juta. Jumlah keseluruhan lebih penyaluran ialah RM189.13 juta. Peruntukan berjumlah RM325 juta yang diterima bagi lima program ini telah disalurkan sepenuhnya kepada usahawan dalam tempoh dua hingga lapan bulan. Dana dalaman berjumlah RM39.13 juta yang digunakan tidak dapat ditentukan telah mendapat kelulusan Lembaga Amanah atau MOF/ Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).
- Dana bagi enam program lain pula kurang disalurkan kepada usahawan.
- Aspek aktiviti pembiayaan berkaitan pengurusan permohonan adalah baik. Namun, 13 daripada 80 usahawan tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap dan 17 daripada 80 usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap. Jumlah pembiayaan yang terlibat ialah RM0.74 juta. Selain itu, TEKUN Nasional tidak mempunyai sistem keselamatan yang ampuh bagi mengelakkannya daripada digodam. Permohonan telah diproses walaupun maklumat/dokumen sokongan tidak lengkap.
- Pengurusan kelulusan pembiayaan adalah baik. Bagaimanapun, didapati kurang kawalan terhadap kemasukan data komitmen usahawan ke dalam sistem pemarkahan. Selain itu, kelulusan 56 (70%) usahawan telah lewat diproses sehingga 50 hari bekerja melibatkan pembiayaan berjumlah RM0.97 juta, dan 13 (86.7%) usahawan SPIN 2.0 diluluskan tempoh bayaran balik melebihi ketetapan. 67 (1.9%) usahawan Melayu telah diluluskan pembiayaan SPUMI melibatkan RM1.53 juta.
- Aktiviti program/skim pembiayaan adalah memuaskan. Seramai 52 (65%) daripada 80 usahawan masih menjalankan perniagaan dan 28 (35%) usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan. Selain itu, 26 (92.9%) daripada 28 usahawan yang tidak lagi berniaga

turut mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas berjumlah RM102,313.

- Pengurusan bayaran balik pembiayaan adalah kurang memuaskan. Bayaran balik bagi 65 (81.3%) usahawan tidak mengikut jadual melibatkan tunggakan berjumlah RM0.64 juta. Tempoh tunggakan adalah sehingga 14 bulan. Selain itu, bagi skim pemfaktoran iaitu Bumiputera - Kontrak-i, terdapat kesalahan bayaran kerja siap diakaunkan kepada usahawan dan bukan diakaunkan kepada TEKUN Nasional. Kesalahan ini menyebabkan usahawan menerima tambahan tunai berjumlah RM166,083 bagi nilai kontrak kerja, di samping RM100,000 pembiayaan TEKUN Nasional.
- Pengurusan tunggakan pembiayaan adalah kurang memuaskan. Seramai 54 (67.5%) usahawan mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas, dan 38 (70.4%) daripadanya tidak dikeluarkan notis tuntutan (NOD) dengan nilai tunggakan berjumlah RM301,187. Selain itu, 12 (22.2%) daripada 54 usahawan turut mempunyai lebih daripada satu pembiayaan aktif iaitu antara dua hingga empat pembiayaan. Secara keseluruhannya, jumlah hutang lapuk terkumpul setakat tahun 2022 ialah RM347.79 juta. Senarai hutang lapuk sebelum tahun 2009 tidak mempunyai rekod nombor kad pengenalan yang lengkap bagi 199 usahawan.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- TEKUN Nasional perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - kehilangan data perlu dielakkan dengan penyediaan pangkalan data sokongan dan menjalankan aktiviti penyalinan data secara berkala, serta pembangunan rancangan pemulihan bencana (disaster recovery plan);
 - memastikan usahawan yang menerima pembiayaan TEKUN Nasional mempunyai potensi meneruskan perniagaan, dan mempunyai sejarah rekod kredit yang baik untuk membuat bayaran balik. Pengiraan skor kredit perlu mengambil kira tanggungan lain usahawan dan sistem *debt service ratio* (DSR) perlu dikemas kini dengan tepat;
 - meningkatkan usaha untuk mengutip bayaran balik mengikut tempoh ditetapkan melalui tindakan penguatkuasaan seperti lawatan ke rumah/premis, pengeluaran NOD serta tindakan litigasi;
 - memastikan pengauditan dalaman dilaksanakan bagi mengenal pasti punca ketidakpatuhan dalam proses kelulusan tempoh bayaran balik, penyaluran pembiayaan kepada kumpulan sasar yang sepatutnya, pembayaran bagi skim pemfaktoran, dan tunggakan pembiayaan. Selain itu, kutipan balik bagi pembayaran kontrak kerja bernilai RM166,083 yang tidak diakaunkan ke TEKUN Nasional hendaklah diselesaikan; dan

- mengkaji semula polisi berkaitan pembiayaan kedua atau seterusnya bagi memastikan usahawan berkebolehan untuk membuat pembayaran balik pembiayaan pertama sebelum pembiayaan seterusnya dibuat.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

PENGURUSAN DANA DAN AKTIVITI PEMBIAYAAN TABUNG EKONOMI KUMPULAN USAHA NIAGA (TEKUN) NASIONAL

FAKTA UTAMA

09.11.1998 Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965	RM395 juta Jumlah penerimaan dana untuk program pembiayaan tahun 2021	RM542.50 juta Jumlah dana yang telah disalurkan kepada usahawan bagi tahun 2021
Objektif penubuhan	Menyediakan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan; menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan TEKUN Nasional; mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan; memupuk budaya keusahawanan dan menabung dalam kalangan usahawan; dan memastikan pinjaman yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain.	
Aktiviti utama	Membantu usahawan mikro bagi memula dan mengembangkan perniagaan dengan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa program pembiayaan.	
Jenis syarikat	Syarikat Berhad Menurut Jaminan	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional atau TEKUN Nasional yang dahulunya dikenali sebagai Yayasan TEKUN Nasional ditubuhkan pada 9 November 1998 di bawah Akta Syarikat 1965. TEKUN Nasional merupakan sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang pada asalnya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Pada tahun 2008, TEKUN Nasional telah membuat perubahan dan pembaharuan selaras dengan keperluan semasa dengan menjadi sebuah organisasi yang bukan hanya menyediakan kemudahan modal perniagaan kepada usahawan, tetapi turut menjadi agensi pembangunan usahawan yang strategik.

1.2. Pada 1 April 2009, TEKUN Nasional telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)¹. Selaras dengan perubahan pentadbiran Kerajaan Malaysia pada tahun 2018, TEKUN Nasional diletakkan kembali di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang diwujudkan semula oleh pihak Kerajaan.


¹ KPKM dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

1.3. Objektif utama penubuhan TEKUN Nasional adalah untuk:

- a. menyediakan pembiayaan mikro yang mudah, cepat dan mesra usahawan;
- b. menyediakan khidmat bimbingan dan sokongan kepada usahawan TEKUN Nasional;
- c. mewujudkan komuniti dan jaringan usahawan;
- d. memupuk budaya keusahawanan dan menabung dalam kalangan usahawan; dan
- e. memastikan pinjaman yang dikeluarkan dapat dikutip semula mengikut jadual agar dapat disalurkan semula kepada usahawan lain.

1.4. Aktiviti utama TEKUN Nasional adalah untuk membantu usahawan mikro bagi memula dan mengembangkan perniagaan dengan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa program pembiayaan. Setakat bulan September 2023, Lembaga Amanah/Jawatankuasa Eksekutif TEKUN Nasional terdiri daripada 13 ahli. Pengurusan TEKUN Nasional diketuai oleh Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau dibantu oleh empat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) iaitu Pengurusan & Korporat, Operasi, Kewangan, serta Perancangan & Pembangunan. Struktur organisasi TEKUN Nasional setakat bulan Jun 2023 adalah seperti dalam **Carta 1**.


CARTA 1
STRUKTUR ORGANISASI TEKUN NASIONAL



Sumber: Carta Organisasi, TEKUN Nasional

1.5. TEKUN Nasional memperoleh dana melalui pinjaman dan geran Kerajaan bagi melaksanakan program/aktiviti selaras dengan objektif penubuhannya. Pinjaman daripada Kementerian Kewangan (MOF) disalurkan terus kepada TEKUN Nasional. Geran daripada MOF pula disalurkan kepada TEKUN Nasional melalui Kementerian yang mengawal selia iaitu KUSKOP. TEKUN Nasional kemudiannya akan memberikan pembiayaan kepada usahawan untuk menjalankan aktiviti perniagaan. Usahawan yang menerima pembiayaan perlu membuat bayaran balik kepada TEKUN Nasional mengikut tempoh dan kadar yang ditetapkan, manakala TEKUN Nasional perlu mengemukakan laporan aktiviti dan perbelanjaan kepada KUSKOP secara berkala. TEKUN Nasional juga perlu membuat bayaran balik kepada MOF terhadap pinjaman yang diterima mengikut tempoh yang ditetapkan. Secara amnya, model operasi TEKUN Nasional diringkaskan seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
MODEL OPERASI TEKUN NASIONAL



Sumber: Jabatan Audit Negara dan TEKUN Nasional

1.6. Sejak penubuhannya, TEKUN Nasional telah menerima pinjaman daripada MOF berjumlah RM2.214 bilion. Setakat 31 Disember 2022, sejumlah RM482.60 juta (21.8%) telah dibayar balik dan baki belum dilunaskan ialah RM1.731 bilion. Geran Kerajaan yang diterima daripada MOF melalui KPKM dan KUSKOP pula berjumlah RM1.966 bilion. Jumlah keseluruhan dana yang diterima melalui pinjaman dan geran Kerajaan ialah RM4.180 bilion.

1.7. Setakat 31 Disember 2022, TEKUN Nasional telah memberi pembiayaan kepada seramai 543,657 usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM8.060 bilion². Bayaran balik yang diterima oleh TEKUN Nasional pula berjumlah RM6.217 bilion (77.1%).

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menilai pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan 11 program di bawah TEKUN Nasional pada tahun 2021 dilaksanakan dengan baik, selaras dengan objektif penubuhannya, seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN MOF BAGI PROGRAM TEKUN NASIONAL
TAHUN 2021 DAN PERIHAL PROGRAM

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERIHAL PROGRAM
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			
1.	Program Pembiayaan TEKUN - Bumiputera (Bumiputera)	200.00	TEKUN Bumiputera merupakan terma yang diguna pakai oleh MOF bagi peruntukan program/skim pembiayaan di bawah TEKUN Nasional yang melibatkan usahawan bumiputera sahaja.
2.	Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)*	5.00	Menawarkan pembiayaan mikro yang mudah dan cepat khusus kepada usahawan India tanpa cagaran.
UCAPAN BAJET 2021			
1.	TEKUN Sukan (Sukan)	20.00	Pembiayaan diberikan bagi membantu usahawan yang menjalankan perniagaan berkaitan sukan untuk mendapatkan pembiayaan.
2.	TEKUN Komuniti Lain (Komuniti Lain)	5.00	Menyediakan pembiayaan mikro yang khusus kepada komuniti tertentu seperti orang kurang upaya, masyarakat orang asli dan golongan nelayan.
3.	SPUMI*	15.00	Menawarkan pembiayaan mikro yang mudah dan cepat khusus kepada usahawan India tanpa cagaran.
4.	TEKUN Veteran Tentera (Veteran)	30.00	Menawarkan pembiayaan mikro yang mudah dan cepat khusus kepada usahawan veteran tentera dan bekas penjawat awam keselamatan tanpa cagaran.
5.	Mikro Kredit Wanita	20.00	Menyediakan pembiayaan bagi membantu golongan wanita yang memerlukan modal bagi melaksanakan aktiviti perniagaan.
PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA)			
1.	Skim Pembiayaan Usahawan Informal (SPIN) 1.0	50.00	Pembiayaan diberikan bagi membantu usahawan yang baharu memulakan perniagaan tanpa pendaftaran perniagaan atau lesen perniagaan dalam tempoh pandemik Covid-19.
2.	TEKUN Mobilepreneur 4.0 (Mobilepreneur 4.0)	50.00	Pembiayaan disediakan kepada peserta untuk tujuan pembelian motosikal, baik pulih motosikal dan modal pusingan. Pembiayaan ini memberi peluang kepada golongan yang hilang punca pendapatan serta terjejas akibat penularan Covid-19 untuk menjana pendapatan.
3.	TEKUN POS-preneur (POS-preneur)		Menyediakan peluang untuk menaik taraf kehidupan pekerja syarikat perkhidmatan penghantaran dan individu yang berminat untuk menjana pendapatan yang tinggi dalam bidang perkhidmatan penghantaran barang.

² Sumber dana bagi nilai pembiayaan ini terdiri daripada pinjaman dan geran yang diterima daripada Kerajaan, serta bayaran balik termasuk kadar keuntungan oleh usahawan.

BIL.	PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERIHAL PROGRAM
PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH)			
1.	Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (CBRM) 2.0	50.00	Pembiayaan diberikan kepada usahawan yang terkesan akibat pandemik Covid-19 termasuk usahawan yang menjalankan perniagaan <i>non-essential</i> dan aktiviti rantai yang berkaitan dengannya.
2.	SPIN 2.0	50.00	Menyediakan pembiayaan suntikan modal pusingan bagi membantu memulih dan memulakan semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik Covid-19.
JUMLAH		495.00	

Sumber: Kementerian Kewangan dan Bahagian Pembiayaan, TEKUN Nasional

Nota: (*) - Program SPUMI diambil kira sebagai satu program walaupun menerima dua peruntukan berasingan iaitu daripada Perbelanjaan Pembangunan dan Ucapan Bajet 2021

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan di bawah TEKUN Nasional bagi tahun 2021. Pengauditan ini melibatkan penilaian terhadap lima aspek iaitu pengurusan permohonan pembiayaan; pengurusan kelulusan pembiayaan; aktiviti program/skim pembiayaan; pengurusan bayaran balik pembiayaan; dan pengurusan tunggakan pembiayaan.

3.2. Pelaksanaan 11 program TEKUN Nasional melibatkan pelbagai skim pembiayaan kepada usahawan Bumiputera dan India. Daripada 11 program ini, lima program dijalankan pengauditan lanjut iaitu TEKUN - Bumiputera, Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI), Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (Covid Business Recovery Micro - CBRM) 2.0, Skim Pembiayaan Usahawan Informal (SPIN) 2.0 dan TEKUN Mobilepreneur 4.0. Hal ini disebabkan lima program ini telah menyalurkan dana kepada usahawan hampir sepenuhnya atau melebihi peruntukan yang diterima daripada MOF. Skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil) [Kontrak-i]³ dipilih sebagai sampel bagi program Bumiputera kerana mempunyai nilai pembiayaan tertinggi.

3.3. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat TEKUN Nasional yang terletak di Bandar Tasik Selatan dan lawatan dilaksanakan di tiga negeri iaitu Selangor, Johor dan Sabah.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan MOF, KUSKOP dan TEKUN Nasional, serta menganalisis data

³ Program KONTRAK-i (salah satu program/skim yang menerima peruntukan di bawah program Bumiputera) mempunyai lima skim pembiayaan dibawahnya iaitu skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil), KONTRAK-i (Perkhidmatan), KONTRAK-i (Pembuatan), KONTRAK-i (Peruncitan), dan KONTRAK-i (Pertanian). Sehubungan itu, penggunaan "Kontrak-i" merujuk kepada sampel Audit iaitu skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil).

keseluruhan pembiayaan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut. Lawatan fizikal terhadap 172 sampel Audit telah dijalankan di tiga negeri iaitu Selangor, Johor dan Sabah.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Disember 2022 hingga Mac 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada TEKUN Nasional telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 12 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Pengurusan Dana

5.1.1. Pada tahun 2021, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM485 juta kepada TEKUN Nasional bagi melaksanakan program pembiayaan. Setakat bulan Disember 2022, TEKUN Nasional hanya menerima dana berjumlah RM395 juta (81.4%) iaitu RM295.57 juta pada tahun 2021 dan baki RM99.43 juta pada tahun 2022. Butiran peruntukan dan penerimaan dana bagi program pembiayaan TEKUN Nasional bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PERUNTUKAN DAN PENERIMAAN DANA
BAGI TAHUN 2021 SETAKAT 31 DISEMBER 2022

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM Juta)	JUMLAH PENERIMAAN (RM Juta)		BELUM TERIMA (RM Juta)	DANA DALAMAN (RM Juta)
		2021	2022		
Bumiputera	200.00	200.00	-	-	-
Sukan	*10.00	0.57	9.43	-	-
Komuniti Lain	5.00	-	5.00	-	-
SPUMI	20.00	20.00	-	-	-
Veteran	30.00	-	10.00	20.00	-
Mikro Kredit Wanita	20.00	-	-	20.00	20.00
SPIN 1.0	50.00	50.00	-	-	-
CBRM 2.0	50.00	25.00	25.00	-	-
SPIN 2.0	50.00	-	50.00	-	-
Mobilepreneur 4.0	50.00	-	-	50.00	**5.00
POS-preneur					5.00
JUMLAH	485.00	295.57	99.43		

Sumber: Bahagian Kewangan, TEKUN Nasional

Nota: (*) - Peruntukan asal berjumlah RM20 juta tetapi sejumlah RM10 juta telah dipindahkan ke Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

(**) - Menggunakan dana SPIN 1.0

5.1.2. Dana bagi dua program telah disalurkan kepada usahawan mengikut peruntukan; dana bagi tiga program disalurkan melebihi peruntukan; dan dana bagi enam program kurang disalurkan. Butiran penyaluran dana bagi program pembiayaan

TEKUN Nasional bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**. Penjelasan lanjut mengenai dana yang disalurkan mengikut peruntukan (CBRM 2.0 dan SPIN 2.0) dan dana yang disalurkan melebihi peruntukan kepada usahawan (Bumiputera - Kontrak-i, SPUMI, dan Mobilepreneur 4.0.) adalah seperti perenggan 5.1.2.1. dan 5.1.2.2..

JADUAL 3
PENYALURAN DANA KEPADA USAHAWAN
MENGIKUT PROGRAM PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2021

PROGRAM	PENERIMAAN DANA (RM Juta)			PENYALURAN PEMBIAYAAN		DANA LEBIH/ (KURANG) SALUR (RM Juta)
	KUSKOP	TEKUN NASIONAL	JUMLAH	RM Juta	%	
Bumiputera	200.00	-	200.00	374.63	187.3	174.63
Sukan	10.00	-	10.00	2.01	20.1	(7.99)
Komuniti Lain	5.00	-	5.00	1.86	37.2	(3.14)
SPUMI	20.00	-	20.00	30.44	152.2	10.44
Veteran	10.00	-	10.00	0.75	7.5	(9.25)
Mikro Kredit Wanita	-	20.00	20.00	11.88	59.4	(8.12)
SPIN 1.0	*45.00	-	45.00	11.78	26.2	(33.22)
CBRM 2.0	50.00	-	50.00	49.86	99.7	(0.14)
SPIN 2.0	50.00	-	50.00	49.48	99.0	(0.52)
Mobilepreneur 4.0	*5.00	-	5.00	9.06	181.2	4.06
POS-preneur	-	5.00	5.00	0.75	15.0	(4.25)
JUMLAH	395.00	25.00	420.00	542.50		

Sumber: Bahagian Kewangan dan Pembiayaan, TEKUN Nasional dan Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Pembiayaan Mobilepreneur 4.0 menggunakan RM5 juta dana SPIN 1.0

5.1.2.1. Dana Disalurkan Kepada Usahawan Mengikut Peruntukan

Setakat 31 Disember 2021, dana bagi dua program disalurkan kepada usahawan mengikut peruntukan iaitu CBRM 2.0 RM49.86 juta (99.7%) dan SPIN 2.0 RM49.48 juta (99.0%).

a. Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (Covid Business Recovery Micro - CBRM) 2.0

- i. Program CBRM 2.0 merupakan program baharu yang dilancarkan pada bulan Ogos 2021. Dana diperuntukkan berjumlah RM50 juta dan program ini merupakan program khas yang akan ditamatkan setelah dana habis disalurkan.

- ii. Sejumlah RM25 juta diterima pada 14 September 2021, manakala **baki RM25 juta lewat diterima iaitu pada 31 Januari 2022**. Dana ini **disalurkan hampir sepenuhnya** berjumlah RM49.86 juta (99.7%) kepada usahawan pada bulan Oktober 2021 iaitu **dalam tempoh dua bulan**, melibatkan seramai 4,063 usahawan walaupun sebahagian dana belum diterima. TEKUN Nasional menggunakan dana dalaman terlebih dahulu bagi melaksanakan program ini.
- iii. Pihak Audit dimaklumkan dana program CBRM 2.0 telah disalurkan sepenuhnya kepada usahawan dalam tempoh dua bulan disebabkan usahawan lebih berminat mendapatkan pembiayaan bagi program ini yang tidak mengenakan sebarang kadar keuntungan berbanding program yang lain.
- iv. Semakan lanjut telah dijalankan terhadap 15 usahawan CBRM 2.0 bagi menentukan sekiranya program ini telah diuruskan dengan baik. Hasil semakan mendapati **lima (33.3%) daripada 15 usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan; kesemua 15 usahawan tidak membuat bayaran balik mengikut jadual; 10 usahawan (66.7%) mempunyai tunggakan enam bulan ke atas, dan TEKUN Nasional tidak mengeluarkan notis tuntutan (NOD) kepada usahawan ini**.
- v. Selain itu, terdapat **perbezaan jumlah dan bilangan penyaluran pembiayaan** bagi program CBRM 2.0 iaitu antara data yang dikemukakan oleh TEKUN Nasional dengan hasil analisis Audit. Menerusi analisis Audit, keseluruhan dana program CBRM 2.0 iaitu RM50 juta telah disalurkan kepada 4,075 usahawan dalam tahun 2021. Namun data yang dikemukakan oleh TEKUN Nasional pula menunjukkan pencapaian penyaluran pembiayaan CBRM 2.0 ialah RM49.86 juta dan telah disalurkan kepada 4,063 usahawan. Perbezaan yang dicatatkan berjumlah **RM142,000 dan 12 usahawan**.
- vi. Pihak Audit dimaklumkan perbezaan disebabkan usahawan telah membuat penolakan tawaran pembiayaan selepas program CBRM 2.0 ditutup pada 3 September 2021. Baki dana CBRM 2.0 berjumlah RM142,000 masih belum dipulangkan kepada MOF.

b. Skim Pembiayaan Usahawan Informal (SPIN) 2.0

- i. Program SPIN 2.0 merupakan program baharu yang dilancarkan pada bulan Ogos 2021. Dana diperuntukkan berjumlah RM50 juta dan program ini merupakan program khas yang akan ditamatkan setelah dana habis disalurkan.
- ii. Dana **berjumlah RM50 juta lewat diterima iaitu pada 31 Januari 2022**. Peruntukan berjumlah RM50 juta telah **disalurkan sepenuhnya** kepada usahawan pada bulan Januari 2022 iaitu **dalam tempoh lima bulan**, melibatkan seramai 7,576 usahawan (7,520 usahawan tahun 2021 dan 56 usahawan tahun 2022). TEKUN Nasional menggunakan dana dalaman terlebih dahulu bagi melaksanakan program ini.
- iii. Semakan lanjut telah dijalankan terhadap 15 usahawan SPIN 2.0 bagi menentukan sekiranya program ini telah diuruskan dengan baik. Hasil semakan mendapati **enam (40%) daripada 15 usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan; kesemua 15 usahawan tidak membuat bayaran balik mengikut jadual; 11 usahawan (73.3%) mempunyai tunggakan enam bulan ke atas, dan TEKUN Nasional tidak mengeluarkan NOD kepada usahawan ini.**

5.1.2.2. Dana Disalurkan Kepada Usahawan Melebihi Peruntukan

Dana bagi tiga program disalurkan melebihi peruntukan iaitu Bumiputera RM374.63 juta (187.3%) dengan lebih RM174.63 juta, SPUMI RM30.44 juta (152.2%) dengan lebih RM10.44 juta, dan Mobilepreneur 4.0 RM9.06 juta (181.2%) dengan lebih RM4.06 juta. Jumlah keseluruhan lebih penyaluran ialah RM189.13 juta. Penyaluran melebihi peruntukan memberi risiko kekurangan dana dalaman kepada TEKUN Nasional untuk meneruskan program pembiayaan di masa hadapan.

a. TEKUN - Bumiputera

- i. Program ini merupakan program sedia ada. Peruntukan diterima pada 19 Januari 2021 berjumlah RM200 juta. Peruntukan ini **telah**

disalurkan sepenuhnya kepada usahawan pada bulan Ogos 2021 iaitu **dalam tempoh lapan bulan**, melibatkan seramai 6,835 usahawan. Setakat 31 Disember 2021, jumlah penyaluran pembiayaan di bawah program ini ialah **RM374.63 juta melibatkan seramai 11,756 usahawan**. Sehubungan itu, **terdapat lebih penyaluran pembiayaan berjumlah RM174.63 juta berbanding RM200 juta peruntukan yang diterima**.

- ii. TEKUN Nasional telah menetapkan sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) penyaluran pembiayaan program Bumiputera bagi tahun 2021 ialah RM355 juta. TEKUN Nasional memperuntukkan RM155 juta dana dalaman bagi program ini iaitu tambahan kepada RM200 juta yang diperuntukkan oleh MOF. Bagaimanapun, **sumber tambahan penggunaan dana berjumlah RM19.63 juta⁴ tidak dapat dipastikan dan kelulusan penggunaan tambahan dana ini juga tidak dapat disahkan sekiranya telah diperoleh daripada Lembaga Amanah atau MOF/KUSKOP**.
- iii. Jumlah penyaluran pembiayaan kepada usahawan yang tinggi bagi program Bumiputera disebabkan usahawan lebih berminat untuk mendapatkan pembiayaan dengan kaedah bayaran secara pemfaktoran berbanding program yang lain. Sejumlah RM203.72 juta (54.4%) daripada jumlah pembiayaan program ini disalurkan bagi skim pembiayaan pemfaktoran iaitu melibatkan sebanyak lima skim KONTRAK-i⁵. Baki penyaluran berjumlah RM170.91 juta (45.6%) merupakan skim pembiayaan bagi kaedah bayaran biasa melibatkan sebanyak 22 skim pembiayaan lain.
- iv. Semakan lanjut telah dijalankan terhadap 17 usahawan bagi sampel skim Bumiputera - Kontrak-i (Kontraktor Kecil) bagi menentukan sekiranya program ini telah diuruskan dengan baik. Hasil semakan mendapati semua 17 (100%) usahawan masih menjalankan perniagaan; **tujuh (41.2%) pembiayaan tidak dibayar mengikut tempoh; enam (35.3%) bayaran belum diterima dalam tempoh enam**

⁴ RM374.63 juta jumlah penyaluran ditolak RM200 juta peruntukan MOF dan RM155 juta peruntukan dana dalaman yang diluluskan.

⁵ KONTRAK-i di sini melibatkan keseluruhan lima skim pembiayaan dibawahnya iaitu skim KONTRAK-i (Kontraktor Kecil), KONTRAK-i (Perkhidmatan), KONTRAK-i (Pembuatan), KONTRAK-i (Peruncitan), dan KONTRAK-i (Pertanian)

bulan ke atas, dan TEKUN Nasional tidak mengeluarkan NOD kepada tiga (50%) usahawan ini.

b. Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)

- i. Program ini merupakan program sedia ada. Peruntukan dana berjumlah RM20 juta telah diterima pada 19 Januari 2021 berjumlah RM5 juta, dan 14 September 2021 berjumlah RM15 juta. Peruntukan ini **telah disalurkan sepenuhnya** kepada usahawan pada bulan Jun 2021 iaitu **dalam tempoh enam bulan**, melibatkan seramai 840 usahawan. Setakat 31 Disember 2021, jumlah penyaluran pembiayaan di bawah program ini ialah RM30.44 juta melibatkan seramai 1,369 usahawan. Sehubungan itu, **terdapat lebih penyaluran pembiayaan berjumlah RM10.44 juta berbanding RM20 juta peruntukan yang diterima.**
- ii. TEKUN Nasional telah menetapkan sasaran KPI penyaluran pembiayaan program SPUMI bagi tahun 2021 ialah RM20 juta berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diberikan oleh MOF. Oleh itu, tiada dana dalaman diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini.
- iii. TEKUN Nasional telah menggunakan tambahan dana berjumlah RM10.44 juta untuk menampung aktiviti penyaluran pembiayaan bagi program SPUMI. Bagaimanapun, **sumber tambahan dana ini tidak dapat disahkan dan sekiranya penggunaan tambahan dana RM10.44 juta telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Amanah atau MOF/KUSKOP.**
- iv. Selain itu, program SPUMI mendapat sambutan yang baik disebabkan program ini merupakan program pembiayaan yang dikhaskan kepada usahawan berbangsa India.
- v. Semakan lanjut telah dijalankan terhadap 16 usahawan SPUMI bagi menentukan sekiranya program ini telah diuruskan dengan baik. Hasil semakan mendapati **enam (37.5%) daripada 16 usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan; 12 (75%) usahawan tidak membuat bayaran balik mengikut jadual; 12 (75%)**

usahawan mempunyai tunggakan enam bulan ke atas dan TEKUN Nasional tidak mengeluarkan NOD kepada 10 (83.3%) daripada 12 usahawan tersebut.

c. TEKUN Mobilepreneur 4.0

- i. MOF di bawah inisiatif PEMERKASA telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pelaksanaan program Mobilepreneur 4.0 dan POS-preneur. Program ini merupakan program khas dan mula disalurkan kepada usahawan pada bulan Mac 2021.
- ii. **Setakat bulan Mac 2023, peruntukan ini tidak lagi disalurkan menyebabkan TEKUN Nasional menggunakan RM5 juta dana SPIN 1.0 bagi melaksanakan program Mobilepreneur 4.0.**
- iii. Dana berjumlah RM5 juta ini telah **disalurkan sepenuhnya** kepada usahawan pada bulan Ogos 2021 iaitu **dalam tempoh lima bulan**, melibatkan seramai 528 usahawan. Setakat 31 Disember 2021, jumlah penyaluran pembiayaan di bawah program ini ialah RM9.06 juta, melibatkan seramai 957 usahawan. Sehubungan itu, **terdapat lebih penyaluran pembiayaan berjumlah RM4.06 juta berbanding RM5 juta dana dalaman yang diperuntukkan.** Tambahan dana berjumlah RM4.06 juta ini juga menggunakan peruntukan program SPIN 1.0. Bagaimanapun, **kelulusan penggunaan dana SPIN 1.0 berjumlah RM9.06 juta daripada Lembaga Amanah atau MOF/KUSKOP tidak dapat disahkan.**
- iv. Pihak Audit dimaklumkan program ini mendapat sambutan usahawan disebabkan peningkatan perkhidmatan penghantaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
- v. Semakan lanjut telah dijalankan terhadap 17 usahawan Mobilepreneur 4.0 bagi menentukan sekiranya program ini telah diuruskan dengan baik. Hasil semakan mendapati **11 (64.7%) daripada 17 usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan; 16 (94.1%) usahawan tidak membuat bayaran balik mengikut jadual; 15 (88.2%)**

usahawan mempunyai tunggakan enam bulan ke atas dan TEKUN Nasional tidak mengeluarkan NOD kepada empat (26.7%) daripada 15 usahawan tersebut.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

Pencapaian pembiayaan CBRM 2.0 setakat 31 Disember 2021 ialah RM49.86 juta melibatkan 4,063 usahawan seperti cabutan minit Mesyuarat Lembaga Amanah Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 27 Januari 2022. Pemulangan baki dana CBRM 2.0 berjumlah RM142,000 melibatkan 12 usahawan yang menolak tawaran masih belum dilaksanakan kerana tiada arahan daripada pihak MOF.

TEKUN Nasional merupakan institusi yang berperanan dalam membantu pengusaha mikro yang terjejas akibat pandemik sekaligus merangsang ekonomi negara. Sehubungan itu, TEKUN Nasional perlu terus menyalurkan pembiayaan walaupun telah melebihi peruntukan iaitu dengan menggunakan dana dalaman bagi memenuhi permintaan.

Lebih penyaluran pembiayaan telah dibentangkan melalui Laporan Operasi Bulanan kepada Mesyuarat Lembaga Amanah. TEKUN Nasional akan memastikan penggunaan peruntukan berdasarkan kumpulan sasaran yang ditentukan. Sekiranya terdapat tambahan kumpulan sasaran yang menggunakan pakai peruntukan sedia ada, TEKUN Nasional akan memaklumkan perkara ini kepada KUSKOP.

Bagi program yang telah diumumkan pada tahun 2021 tetapi peruntukan tidak disalurkan pada tahun tersebut, TEKUN Nasional telah mengambil langkah proaktif dengan menggunakan pakai dana dalaman dahulu bagi melaksanakan program tersebut. Peruntukan bagi program berkaitan dibawa ke tahun hadapan (2022) tetapi pelaksanaannya menggunakan dana sedia ada (dalaman) berdasarkan surat daripada MOF bertarikh 23 Disember 2021.

Pendapat Audit | Pengurusan dana mengikut program pembiayaan adalah kurang memuaskan. Dana bagi dua program telah

disalurkan mengikut peruntukan; dana bagi tiga program telah disalurkan melebihi peruntukan ditetapkan; dan dana bagi enam program pembiayaan pula kurang disalurkan berbanding peruntukan. Selain itu, kekerapan penggunaan dana dalaman untuk membiayai program boleh menyebabkan TEKUN Nasional mengalami kekurangan dana bagi meneruskan program pembiayaan yang telah dirancang.

Bagi lima dana yang disalurkan mengikut/melebihi peruntukan, sejumlah RM325 juta peruntukan yang diterima telah disalurkan sepenuhnya kepada usahawan dalam tempoh dua hingga lapan bulan. Tiga daripada program ini menggunakan dana dalaman bagi menampung peruntukan yang tidak mencukupi. Sejumlah RM39.13 juta tidak dapat disahkan sekiranya telah mendapat kelulusan Lembaga Amanah atau MOF/KUSKOP.

5.2. Aktiviti Pembiayaan

Penilaian lanjut dibuat terhadap aktiviti pembiayaan bagi lima program/skim tersebut melibatkan 80 (46.5%) daripada 172 sampel usahawan. Aspek yang dinilai ialah pengurusan permohonan; kelulusan; aktiviti program/skim; bayaran balik; dan tunggakan pembiayaan.

5.2.1. Pengurusan Permohonan Pembiayaan

5.2.1.1. Prosedur Operasi Standard (SOP) program/skim pembiayaan menyatakan bagi tahun 2021, proses permohonan dan pengesahan pembiayaan dilaksanakan di cawangan dan negeri, manakala proses kelulusan dan pengeluaran dibuat di Ibu Pejabat. Permohonan pembiayaan TEKUN Nasional dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu secara dalam talian menerusi aplikasi TEKUN Online, dan secara manual di pejabat TEKUN Nasional.

5.2.1.2. TEKUN Nasional menerima sebanyak 48,407 permohonan pada tahun 2021 melibatkan pembiayaan berjumlah RM1.364 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22,115 (45.7%) permohonan diterima melibatkan lima sampel program/skim yang disemak dengan 16,668 permohonan telah diluluskan. Pengesahan permohonan telah dilaksanakan pada peringkat cawangan/negeri,

manakala kelulusan dibuat pada peringkat Ibu Pejabat. Program SPIN 2.0 menerima bilangan permohonan tertinggi iaitu 9,735 (44%) permohonan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
MAKLUMAT BILANGAN PERMOHONAN, KELULUSAN
DAN JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN MENGIKUT LIMA PROGRAM/
SKIM PEMBIAYAAN BAGI TAHUN 2021

PROGRAM/ SKIM	BILANGAN PERMOHONAN		JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN (RM Juta)
	DITERIMA	DILULUSKAN	
Bumiputera - Kontrak-i	2,632	2,423	153.00
SPUMI	3,221	1,565	34.35
CBRM 2.0	5,359	4,075	50.00
SPIN 2.0	9,735	7,599	50.00
Mobilepreneur 4.0	1,168	1,006	9.52
JUMLAH	22,115	16,668	296.87

Sumber: TEKUN Nasional

5.2.1.3. Bagaimanapun, pihak Audit **tidak dapat mengesahkan ketepatan data permohonan yang dikemukakan**. Perkara ini **berikutan isu kehilangan dokumen permohonan peminjam dan data sebanyak dua kali** iaitu pada 21 Januari 2022 semasa pemindahan data oleh pihak ketiga, dan pada 8 Februari 2022 disebabkan sistem digodam. Laporan polis telah dibuat pada 18 Februari 2022 berkaitan pencerobohan sistem ini.

5.2.1.4. Semakan Audit terhadap proses permohonan pembiayaan bagi lima sampel program/skim melibatkan lima perkara iaitu julat umur, bangsa, modal berbayar, borang permohonan lengkap diisi dan dokumen sokongan⁶ lengkap dikemukakan. Sebanyak 80 sampel usahawan secara rawak telah dipilih melibatkan tiga negeri iaitu Johor, Selangor dan Sabah. Secara keseluruhannya, **pengurusan proses permohonan adalah baik kecuali bagi program SPIN 2.0 pada tahap memuaskan**. Satu program iaitu Mobilepreneur 4.0 telah diuruskan seperti syarat ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan melibatkan dua daripada lima aspek yang dinilai iaitu pengisian borang dan dokumen sokongan bagi empat program/skim.

5.2.1.5. **Borang permohonan didapati tidak diisi dengan lengkap oleh 13 usahawan bagi program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0; dan dokumen sokongan tidak dikemukakan dengan lengkap oleh**

⁶ Setiap permohonan pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN Nasional perlu disokong dengan dokumen seperti salinan kad pengenalan, salinan penyata bank tiga bulan terkini, salinan bil utiliti premis dan dokumen lain.

17 usahawan bagi program/skim Bumiputera - Kontrak-i, SPUMI dan SPIN 2.0. Jumlah pembiayaan yang terlibat ialah RM0.74 juta. Permohonan ini telah diproses lanjut walaupun tidak memenuhi syarat ditetapkan. Ringkasan adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGURUSAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN
MENGIKUT LIMA PROGRAM/SKIM YANG TIDAK MEMENUHI SYARAT

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL	BILANGAN USAHAWAN		JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)	TAHAP
		BORANG PERMOHONAN TIDAK DIISI LENGKAP	DOKUMEN SOKONGAN TIDAK LENGKAP		
Bumiputera - Kontrak-i	17	0	6	411,000.00	Baik
SPUMI	16	0	4	160,000.00	Baik
CBRM 2.0	15	4	0	73,000.00	Baik
SPIN 2.0	15	9	7	94,000.00	Memuaskan
Mobilepreneur 4.0	17	0	0	-	Baik
JUMLAH	80	13	17	738,000.00	Baik

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Borang Permohonan Tidak Lengkap

i. Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Sektor Mikro (Covid Business Recovery Micro - CBRM) 2.0

Empat (26.7%) daripada 15 sampel usahawan tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap melibatkan maklumat Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit dan/atau Borang Penama.

ii. Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0

Sembilan (60%) daripada 15 sampel usahawan tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap melibatkan Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit.

b. Dokumen Sokongan Tidak Lengkap

i. TEKUN Bumiputera - Skim Kontrak-i (Kontraktor Kecil)

Enam (35.3%) daripada 17 sampel usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap. Dokumen yang tidak dikemukakan

sama ada salinan penyata bank, perjanjian sewaan/kebenaran penggunaan tapak/premis perniagaan, bil utiliti, inden kerja dan/atau gambar premis.

ii. Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)

Empat (25%) daripada 16 sampel usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap iaitu peta ke lokasi perniagaan.

iii. Skim Pembiayaan Informal SPIN 2.0

Tujuh (46.7%) daripada 15 sampel usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap. Dokumen yang tidak dikemukakan sama ada gambar berukuran pasport, salinan penyata bank bagi satu bulan terkini, gambar premis perniagaan dan/atau peta ke lokasi perniagaan.

5.2.1.6. Pihak Audit dimaklumkan antara sebab perkara ini berlaku ialah sistem permohonan pembiayaan usahawan iaitu TEKUN Online telah digodam dan berlaku kehilangan dokumen serta data peminjam semasa proses pemindahan data. Sistem TEKUN Online ini mula dibangunkan pada 13 Februari 2020 dan dilancarkan bagi permohonan produk pembiayaan Covid-19 pada 5 Februari 2021. Kos pembangunan awal TEKUN Online ialah RM180,000 dan telah dibangunkan oleh pihak vendor yang dilantik. Kes masih dalam siasatan pihak polis dan pihak TEKUN Nasional tidak dapat mengenal pasti sekiranya punca sistem digodam disebabkan kegagalan kawalan keselamatan sistem tersebut atau sebagainya. Sistem TEKUN Online ini tidak lagi dibuka untuk kegunaan usahawan dan hanya boleh diakses secara dalaman oleh pegawai TEKUN Nasional.

5.2.1.7. Borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap akan menyukarkan TEKUN Nasional dalam menguruskan pembiayaan usahawan sekiranya berlaku kematian, dan menjejaskan gambaran sebenar kedudukan kewangan dan kredit usahawan. Ketiadaan dokumen sokongan yang lengkap pula akan menyukarkan pelaksanaan proses permohonan dan pemantauan oleh pegawai TEKUN Nasional.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

Permohonan program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 diproses menggunakan sistem TEKUN Online dan sistem ini telah digodam pada 8 Februari 2022. Sehingga kini sebanyak

15,621 (44.1%) daripada 35,403 akaun telah dikemas kini. Tempoh jangkaan selesai adalah pada bulan Jun 2024. TEKUN Nasional telah melantik empat Pembantu Pegawai bermula 1 Jun 2022 bagi membantu mengemas kini dokumentasi permohonan dan mendapatkan semula dokumen yang hilang dalam sistem TEKUN Online.

TEKUN Nasional akan menyediakan infografik keperluan dokumen mengikut program/skim bagi memudahkan rujukan pegawai; mempertingkatkan tahap semakan dokumen dan penilaian di peringkat proses permohonan; dan melaksanakan *re-skilling* kepada pegawai TEKUN Nasional secara berkala bagi meningkatkan tahap kecekapan pegawai.

TEKUN Nasional juga akan melengkapkan dokumen yang sepatutnya. Selain itu, Jabatan Pemantauan dan Operasi Cawangan, serta Jabatan Audit Dalam melaksanakan pengauditan secara berkala bagi memastikan tahap semakan dokumen dan penilaian di peringkat cawangan.

Pendapat Audit | Secara keseluruhannya, pengurusan permohonan pembiayaan adalah baik kerana bilangan pematuhan yang tinggi. Namun, TEKUN Nasional tidak mempunyai sistem keselamatan yang ampuh bagi mengelakkannya daripada digodam. Permohonan telah diproses walaupun maklumat/dokumen sokongan tidak lengkap.

5.2.2. Pengurusan Kelulusan Pembiayaan

5.2.2.1. Berdasarkan SOP TEKUN Nasional, setelah permohonan pembiayaan diterima di pejabat cawangan, pegawai bertanggungjawab akan menilai permohonan pembiayaan melalui Sistem Pengurusan Pembiayaan atau *Financing Application System* (FAS). Setiap permohonan akan dinilai mengikut prosedur jenis skim pembiayaan yang dimohon. Pegawai TEKUN Nasional akan menyemak keupayaan pemohon untuk membuat bayaran balik pembiayaan menerusi keupayaan kredit kewangan pemohon dan lawatan ke premis/tempat perniagaan/tapak projek usahawan untuk memastikan kewujudan perniagaan pemohon. Permohonan akan dibawa untuk kelulusan Jawatankuasa Kelulusan Pembiayaan atau menerusi kelulusan bersama. Proses kelulusan bagi setiap program/skim pembiayaan telah dinyatakan dalam garis panduan program/skim berkenaan.

5.2.2.2. Bagi tahun 2021, kelulusan nilai permohonan pembiayaan usahawan dibuat berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan Pembiayaan atau kelulusan bersama mengikut ketetapan setiap program/skim pembiayaan. Kelulusan nilai pembiayaan sesuatu permohonan dibuat selepas mengambil kira syor yang diberikan oleh pegawai TEKUN Nasional yang bertanggungjawab dan semakan skor kredit yang berkaitan. Nilai yang diluluskan tertakluk kepada justifikasi atau timbang tara ahli mesyuarat atau pegawai yang meluluskan permohonan tersebut.

5.2.2.3. Bagi menilai tahap keupayaan kredit seseorang usahawan yang memohon pembiayaan, TEKUN Nasional telah menggunakan sistem pemarkahan kredit menerusi sistem FAS. Semakan kredit ini meliputi keupayaan bayaran balik dan *debt service ratio* (DSR) usahawan. Semakan Audit mendapati **kurang kawalan terhadap kemasukan data komitmen usahawan ke dalam sistem pemarkahan**. Perkara ini menyebabkan pegawai TEKUN Nasional tidak mengambil kira sepenuhnya komitmen lain usahawan seperti pinjaman perumahan, kenderaan dan kad kredit dalam pengiraan keupayaan bayaran balik dan DSR usahawan. Oleh itu, **hasil keputusan keupayaan bayaran balik dan DSR usahawan adalah kurang tepat**.

5.2.2.4. Pihak Audit dimaklumkan, sepanjang tempoh pandemik Covid-19, TEKUN Nasional menggunakan Laporan Credit Intelligence - Individual (CRI)⁷ berbanding Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA & RAMCI (SPeKAR)⁸ untuk membuat penilaian terhadap keupayaan kredit usahawan. Perkara ini menyebabkan komitmen lain usahawan seperti pinjaman perumahan, kenderaan dan bayaran bulanan kad kredit tidak diketahui.

5.2.2.5. Semakan Audit terhadap proses kelulusan permohonan pembiayaan bagi lima program/skim melibatkan lima perkara iaitu had nilai pembiayaan, tempoh masa proses pembiayaan⁹, tempoh bayaran balik pembiayaan, pembiayaan kepada kumpulan sasar dan pegawai pelulus/jawatankuasa kelulusan. Secara keseluruhannya, **pengurusan kelulusan pembiayaan adalah baik kecuali bagi program SPIN 2.0 pada tahap memuaskan**. Skim Bumiputera - Kontrak-i telah diuruskan sebagaimana syarat ditetapkan.

⁷ CRI hanya melaporkan tindakan litigasi dan tindakan kebangkrutan terhadap usahawan yang mana sekiranya ada, permohonan pembiayaan usahawan tersebut tidak akan diluluskan.

⁸ SPeKAR memaparkan maklumat pemilikan syarikat, ringkasan kedudukan keberhutangan pemohon, rekod cek tendang, rekod bayaran pinjaman dengan institusi kewangan selama 12 bulan bagi setiap pinjaman, tindakan undang-undang dan pemohon yang telah diisytiharkan muflis.

⁹ Tempoh masa proses pembiayaan adalah sehingga usahawan menerima pembiayaan (pengeluaran).

Bagaimanapun, bagi empat program/skim terdapat kelemahan melibatkan dua perkara iaitu **kelewatan dalam proses pembiayaan, dan tempoh bayaran balik tidak mengikut syarat ditetapkan**. Ringkasan adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KELEMAHAN DALAM PROSES KELULUSAN PEMBIAYAAN
MENGIKUT LIMA PROGRAM/SKIM PEMBIAYAAN

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL	BIL. USAHAWAN		TAHAP
		LEWAT DIPROSES	TEMPOH BAYARAN BALIK TIDAK MENGIKUT SYARAT	
Bumiputera - Kontrak-i	17	0	0	Baik
SPUMI	16	9	0	Baik
CBRM 2.0	15	15	0	Baik
SPIN 2.0	15	15	13	Memuaskan
Mobilepreneur 4.0	17	17	0	Baik
JUMLAH	80	56	13	Baik

Sumber: Jabatan Audit Negara

a. Tempoh Masa Proses Pembiayaan

- i. Berdasarkan SOP, tempoh proses pembiayaan setiap program/skim pembiayaan bagi tahun 2021 ialah 18 hari bekerja bagi skim Bumiputera - Kontrak-i; 25 hari bekerja bagi program/skim SPUMI; tujuh hari bekerja bagi program CBRM 2.0, SPIN 2.0 dan Mobilepreneur 4.0.
- ii. Semakan Audit mendapati 44 daripada 80 permohonan telah diproses dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, **56 (70%) permohonan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM0.97 juta telah lewat diproses sehingga 50 hari bekerja melibatkan empat program**. Butiran terperinci kelewatan proses pembiayaan sampel usahawan mengikut program/skim adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PERMOHONAN SAMPEL USAHAWAN YANG LEWAT DIPROSES
MENGIKUT LIMA PROGRAM/SKIM PEMBIAYAAN

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL (a)	TEMPOH DITETAPKAN (Hari Bekerja)	BIL. PERMOHONAN LEWAT DIPROSES (b)	% (b/a) x 100	NILAI PEMBIAYAAN (RM)	TEMPOH KELEWATAN (Hari Bekerja)
Bumiputera - Kontrak-i	17	18	0	0	-	-
SPUMI	16	25	9	56.3	390,000	1-50
CBRM 2.0	15	7	15	100	264,000	8-24
SPIN 2.0	15	7	15	100	142,000	4-28
Mobilepreneur 4.0	17	7	17	100	170,000	4-30
JUMLAH	80		56	70	966,000	1-50

Sumber: Prosedur Permohonan Pembiayaan TEKUN Nasional

iii. Tiga program iaitu **CBRM 2.0, SPIN 2.0, dan Mobilepreneur 4.0** didapati telah **lewat diproses bagi semua sampel usahawan sehingga 30 hari bekerja, manakala sembilan (56.3%) usahawan SPUMI lewat diproses sehingga 50 hari bekerja.**

iv. Pihak Audit dimaklumkan sebab berlakunya kelewatan dalam proses permohonan pembiayaan ialah tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa sepanjang tahun 2021. Kelewatan proses permohonan pembiayaan telah mengurangkan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Perkara ini juga menjejaskan daya saing TEKUN Nasional dalam memberikan pembiayaan kepada usahawan mikro berbanding agensi pemberi kredit lain.

b. Tempoh Bayaran Balik Pembiayaan Tidak Mengikut Ketetapan

- i. SOP program SPIN 2.0 telah menetapkan tempoh bayaran balik pembiayaan ialah tiga tahun atau 36 bulan. Semakan Audit mendapati **13 (86.7%) daripada 15 sampel usahawan program SPIN 2.0 telah diluluskan tempoh bayaran balik pembiayaan melebihi tempoh yang ditetapkan iaitu antara 42 hingga 60 bulan.** Nilai pembiayaan keseluruhan bagi 13 usahawan tersebut berjumlah RM122,000.
- ii. Hasil analisis Audit terhadap keseluruhan data pembiayaan bagi skim SPIN 2.0 tahun 2021 pula mendapati **3,517 (46.8%) daripada 7,518 pembiayaan telah diluluskan tempoh bayaran balik yang**

lebih panjang iaitu antara 42 hingga 60 bulan dengan nilai pembiayaan berjumlah **RM29.05 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
MAKLUMAT TEMPOH BAYARAN BALIK PROGRAM SPIN 2.0 TAHUN 2021
YANG DILULUSKAN MELEBIHI TEMPOH DITETAPKAN

PROGRAM	PEMBIAYAAN		TEMPOH BAYARAN BALIK DILULUSKAN (Bulan)	TEMPOH BAYARAN BALIK DILULUSKAN >36 BULAN		%
	BIL.	RM (Juta)		BIL.	RM (Juta)	
SPIN 2.0	7,518	49.47	42	82	0.57	1.1
			48	1,205	8.90	16.0
			54	14	0.11	0.2
			60	2,216	19.47	29.5
JUMLAH	7,518	49.47	42-60	3,517	29.05	46.8

Sumber: Bahagian Pembiayaan, TEKUN Nasional dan Analisis Data oleh Jabatan Audit Negara

- iii. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan pegawai TEKUN Nasional kurang peka terhadap tempoh bayaran balik skim SPIN 2.0 yang berkuat kuasa. Pemberian tempoh bayaran balik yang lebih panjang telah mengakibatkan implikasi kepada modal pusingan syarikat dan menjejaskan peluang usahawan lain untuk mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan akibat kelewatan kutipan bayaran balik pembiayaan.

5.2.2.6. Semakan Audit selanjutnya dibuat terhadap pembiayaan kepada golongan sasar. Program SPUMI diwujudkan bagi memberi pembiayaan khusus kepada golongan usahawan berbangsa India. Berdasarkan 16 sampel usahawan SPUMI, didapati semua penerima pembiayaan terdiri daripada golongan berbangsa India. Bagaimanapun, berdasarkan analisis Audit terhadap keseluruhan **kelulusan pembiayaan kepada 3,546 usahawan SPUMI, 67 (1.9%) daripadanya berbangsa Melayu melibatkan pembiayaan RM1.53 juta**. Daripada jumlah tersebut, 30 usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM0.74 juta telah diluluskan dalam tahun 2021 dan 37 usahawan dengan nilai pembiayaan berjumlah RM0.79 juta dalam tahun 2022.

5.2.2.7. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan kesilapan semasa proses mengunci masuk maklumat permohonan ke dalam sistem FAS dan TEKUN Online. Kesilapan penyaluran pembiayaan program SPUMI kepada usahawan Melayu menjejaskan peluang usahawan berbangsa India untuk

menerima pembiayaan. Penyaluran pembiayaan kepada bukan kumpulan sasar ini seterusnya menjejaskan pencapaian objektif program yang telah ditetapkan.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

TEKUN Nasional menangguhkan penggunaan Laporan SPeKAR bermula pada bulan Oktober 2021, selaras dengan arahan YB Menteri KUSKOP bertarikh 28 September 2021. Penggunaan Laporan SPeKAR bagaimanapun telah kembali berkuat kuasa pada 1 Mei 2023.

Penguatkuasaan arahan PKP secara tidak langsung telah mengehadkan pergerakan pegawai TEKUN Nasional untuk memproses permohonan dalam tempoh yang ditetapkan. Pekeliling TEKUN Nasional Bilangan 10 Tahun 2021 berkenaan Pelaksanaan SOP Permohonan Pembiayaan TEKUN Nasional Dalam Tempoh PKP yang dikeluarkan pada 13 Januari 2021 telah memberi kelonggaran terhadap tempoh proses permohonan. Selain itu, tempoh proses pembiayaan bagi semua program/skim di bawah Jabatan Pengurusan Pembiayaan telah dikemas kini pada tahun 2022 iaitu dalam tempoh tujuh hari bekerja, manakala penyaluran pembiayaan ke akaun usahawan pula hendaklah dibuat dalam tempoh tiga hari bekerja. TEKUN Nasional juga telah menambah baik SOP program SPIN 2.0 iaitu tempoh bayaran balik dibenarkan adalah hingga lima tahun.

Bagi usahawan berbangsa Melayu tetapi menerima pembiayaan di bawah program SPUMI pula, semakan yang telah dibuat mendapati kesilapan semasa pendaftaran permohonan di dalam sistem FAS dan sistem TEKUN Online yang mana semua permohonan yang terlibat merupakan usahawan berbangsa India. Pengemaskinian data daripada bangsa Melayu kepada India telah dilaksanakan dalam Sistem Pengurusan Pembiayaan atau Financing Management System (FMS).

Dana khas Covid-19 iaitu bagi program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 bertujuan menyuntik modal tambahan untuk memulihkan perniagaan yang terjejas termasuk usahawan sedia ada. Oleh itu, TEKUN Nasional membenarkan usahawan sedia ada memohon dana khas ini untuk tujuan tersebut.

Pendapat Audit

Secara keseluruhannya, pengurusan kelulusan pembiayaan adalah baik kerana bilangan pematuhan yang tinggi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek tempoh memproses pembiayaan, tempoh bayaran balik dan

kumpulan sasar. Selain itu, pengiraan skor kredit usahawan tidak mengambil kira komitmen lain usahawan.

5.2.3. Aktiviti Program/Skim Pembiayaan


5.2.3.1. Bagi menilai aspek aktiviti program/skim pembiayaan selaras dengan objektif penubuhan TEKUN Nasional, semakan Audit telah dibuat terhadap status perniagaan bagi 80 sampel usahawan sekiranya masih menjalankan perniagaan atau tidak lagi menjalankan perniagaan. Secara keseluruhannya, **aktiviti program/skim pembiayaan adalah memuaskan kerana 52 (65%) daripada 80 usahawan masih menjalankan perniagaan, manakala 28 (35%) usahawan tidak lagi berniaga/beroperasi**. Ringkasan adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 3**.

JADUAL 9
STATUS PERNIAGAAN SAMPEL 80 USAHAWAN

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL	BILANGAN USAHAWAN		TAHAP
		MASIH BERNIAGA	TIDAK LAGI BERNIAGA	
Bumiputera - Kontrak-i	17	17	0	Baik
SPUMI	16	10	6	Memuaskan
CBRM 2.0	15	10	5	Memuaskan
SPIN 2.0	15	9	6	Memuaskan
Mobilepreneur 4.0	17	6	11	Kurang Memuaskan
JUMLAH	80	52	28	Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara

CARTA 3
BILANGAN USAHAWAN YANG MASIH DAN TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN MENGIKUT LIMA PROGRAM/SKIM PEMBIAYAAN



Sumber: Jabatan Audit Negara

5.2.3.2. Matlamat TEKUN Nasional memberikan pembiayaan kepada usahawan adalah untuk membantu dalam menjalankan perniagaan. Pemeriksaan Audit mendapati seramai 52 (65%) daripada 80 sampel usahawan masih menjalankan perniagaan. Semua 17 usahawan bagi skim Bumiputera - Kontrak-i masih beroperasi. Bagi empat program/skim yang lain, 35 usahawan masih menjalankan perniagaan, manakala baki **28 usahawan (35%) tidak lagi menjalankan perniagaan.**

5.2.3.3. **Program/skim dengan bilangan usahawan yang paling tinggi tidak lagi menjalankan perniagaan ialah Mobilepreneur 4.0 dengan 11 (64.7%) usahawan.** Setakat 31 Disember 2022, **26 (92.9%) daripada 28 usahawan yang tidak lagi menjalankan perniagaan mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas berjumlah RM102,313.**

5.2.3.4. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, antara sebab usahawan tidak dapat meneruskan perniagaan walaupun setelah menerima pembiayaan ialah pandemik Covid-19, masalah kesihatan dan masalah keluarga. Selain itu, terdapat usahawan menggunakan pembiayaan untuk membayar sewaan premis walaupun operasi tidak dijalankan seperti biasa.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

Semasa proses permohonan pembiayaan, semakan oleh pegawai TEKUN Nasional mendapati usahawan ada menjalankan perniagaan dan memenuhi syarat pembiayaan TEKUN Nasional. Bagaimanapun selepas mendapat pembiayaan, terdapat usahawan yang tidak lagi menjalankan perniagaan kerana berpindah, mendapat pekerjaan lain, faktor kesihatan atau lain-lain.

Setiap lawatan pegawai TEKUN Nasional ke premis usahawan perlu dikemas kini di dalam Sistem Mobile App Collector yang boleh dipantau oleh Pengurus Cawangan dan Negeri menerusi sistem TEKUNPay Web. TEKUN Nasional akan berusaha untuk meningkatkan pemantauan terhadap lawatan usahawan oleh semua pegawai TEKUN Nasional, dan melaksanakan *re-skilling* kepada pegawai TEKUN Nasional secara berkala bagi meningkatkan tahap kecekapan.

Tindakan mendapatkan bayaran balik dan litigasi telah dilaksanakan mulai bulan Januari 2023 kepada semua usahawan yang mempunyai tunggakan walaupun usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan.

**Pendapat
Audit**

Secara keseluruhannya, aktiviti program/skim adalah memuaskan. Berdasarkan sampel Audit, 52 (65%) daripada 80 usahawan masih menjalankan perniagaan dan 28 (35%) usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan. Selain itu, 26 daripada 28 usahawan yang tidak lagi berniaga turut mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas.

5.2.4. Pengurusan Bayaran Balik Pembiayaan

5.2.4.1. Berdasarkan SOP setiap program/skim, bayaran balik pembiayaan bagi empat program/skim iaitu SPUMI, CBRM 2.0, SPIN 2.0 dan Mobilepreneur 4.0 perlu dibuat berdasarkan jadual bayaran balik yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, bagi bayaran skim Bumiputera - Kontrak-i pula, kementerian/jabatan/agensi yang memberi kontrak kepada usahawan perlu membuat bayaran berdasarkan nilai keseluruhan kontrak yang telah dicagarkan kepada TEKUN Nasional iaitu secara sekaligus dalam tempoh enam bulan setelah pembiayaan diberikan kepada usahawan. Selain itu, lebih nilai kontrak berbanding nilai pembiayaan perlu diserahkan TEKUN Nasional kepada usahawan dalam tempoh tujuh hari bekerja.

5.2.4.2. Aspek yang dinilai bagi pengurusan bayaran balik pembiayaan ialah jumlah kutipan bayaran balik yang diterima berbanding jadual pembayaran yang disediakan bagi empat program/skim. Bagi skim Bumiputera - Kontrak-i pula, bayaran yang diterima akan dinilai berdasarkan tempoh enam bulan. Selain itu, tempoh pembayaran serahan lebih kontrak kerja yang diterima daripada kementerian/jabatan/agensi kepada usahawan juga dinilai. Secara keseluruhannya, **pengurusan bayaran balik pembiayaan bagi semua lima program/skim adalah kurang memuaskan kerana terdapat usahawan yang gagal membuat bayaran balik mengikut tempoh ditetapkan.** Ringkasan adalah seperti dalam **Jadual 10.**

JADUAL 10
BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN TIDAK MENGIKUT JADUAL BAYARAN
BAGI LIMA PROGRAM/SKIM PEMBIAYAAN

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL	BAYARAN BALIK TIDAK MENGIKUT JADUAL	BAYARAN LEBIHAN LEWAT DISERAHKAN		TAHAP
			BIL. SAMPEL	BIL. USAHAWAN	
Bumiputera - Kontrak-i	17	7*	10	1	Memuaskan
SPUMI	16	12	Tidak Berkaitan		Kurang Memuaskan
CBRM 2.0	15	15			Kurang Memuaskan
SPIN 2.0	15	15			Kurang Memuaskan
Mobilepreneur 4.0	17	16			Kurang Memuaskan
JUMLAH	80	65	10	1	Kurang Memuaskan

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Bayaran kontrak diterima dalam tempoh enam bulan daripada kementerian/jabatan/agensi selepas pembiayaan diluluskan

5.2.4.3. **Bayaran balik bagi 65 (81.3%)** daripada 80 sampel usahawan **tidak mengikut jadual yang disediakan melibatkan nilai tunggakan berjumlah RM0.64 juta dengan tempoh tunggakan sehingga 14 bulan.** Ringkasan bayaran balik yang tidak mengikut jadual adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
BAYARAN BALIK TIDAK MENGIKUT JADUAL BAYARAN

PROGRAM/SKIM	BIL. USAHAWAN		%	TUNGGAKAN	
	KESELURUHAN	TIDAK MENGIKUT JADUAL BAYARAN BALIK		BULAN (BIL.)	NILAI (RM)
Bumiputera - Kontrak-i	17	7*	41.2	6-14	448,700
SPUMI	16	12	75	6-12	90,857
CBRM 2.0	15	15	100	4-7	32,140
SPIN 2.0	15	15	100	1-7	14,771
Mobilepreneur 4.0	17	16	94.1	1-12	51,174
JUMLAH	80	65	81.3	1-14	637,642

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Bayaran kontrak diterima dalam tempoh enam bulan daripada kementerian/jabatan/agensi selepas pembiayaan diluluskan

5.2.4.4. Skim Bumiputera - Kontrak-i merupakan skim pempfaktoran yang mana TEKUN Nasional akan menerima bayaran daripada kementerian/jabatan/agensi berdasarkan nilai kontrak kerja/inden kerja yang telah dicagarkan kepada TEKUN Nasional oleh usahawan untuk mendapatkan pembiayaan. Bayaran terhadap skim ini hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas pembiayaan diberikan kepada usahawan.

5.2.4.5. Setakat 31 Disember 2022, **bayaran masih belum diterima daripada kementerian/jabatan/agensi melibatkan tujuh (41.2%) usahawan Bumiputera - Kontrak-i walaupun telah melebihi tempoh enam bulan pembiayaan yang ditetapkan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
BAYARAN BELUM DITERIMA BAGI SKIM BUMIPUTERA - KONTRAK-I
PADA 31 DISEMBER 2022

BIL.	NO. AKAUN PEMBIAYAAN	BULAN TUNGGAKAN	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	PUNCA KELEWATAN
1.	XXXXXXXXXX0226	10	107,500	Majlis Daerah	Projek tidak siap dan kontrak kerja telah ditamatkan
2.	XXXXXXXXXX0264	8	61,275	Pejabat Daerah	Tiada maklumat
3.	XXXXXXXXXX0119	14	25,800	Badan Berkanun	Dalam proses bayaran kerja siap
4.	XXXXXXXXXX0274	6	107,500	Universiti Awam	Tiada maklumat
5.	XXXXXXXXXX0141	11	87,500	Jabatan Kerajaan	Pihak Jabatan membuat bayaran kepada usahawan dan bukannya TEKUN Nasional
6.	XXXXXXXXXX0205	11	32,250	Universiti Awam	Projek masih belum siap disebabkan masalah bekalan
7.	XXXXXXXXXX0359	9	26,875	Agensi Kerajaan	Tiada maklumat
JUMLAH		6 - 14	448,700		

Sumber: Bahagian Penyeliaan Kredit, TEKUN Nasional

5.2.4.6. Pihak Audit dimaklumkan antara punca kelewatan bayaran balik ini ialah projek tidak berjaya disiapkan oleh usahawan, dan kelewatan dalam proses bayaran oleh pihak yang memberi kontrak. Selain itu, bagi **satu usahawan** (akaun XXXXXXXXXXXX0141), **jabatan yang memberi kontrak telah membuat bayaran kerja siap ke dalam akaun usahawan dan bukannya ke dalam akaun TEKUN Nasional** sebagaimana yang sepatutnya. Kesalahan bayaran ini menyebabkan **usahawan menerima tambahan tunai berjumlah RM166,083** yang merupakan nilai kontrak kerja, di samping RM100,000 nilai pembiayaan yang diluluskan oleh TEKUN Nasional. Setakat 31 Disember 2022, akaun pembiayaan usahawan ini mempunyai tunggakan berjumlah RM87,500.

5.2.4.7. Sekiranya bayaran projek¹⁰ yang diterima oleh TEKUN Nasional daripada kementerian/jabatan/agensi melebihi amaun pembiayaan yang diberikan oleh TEKUN Nasional kepada usahawan, lebihan tersebut perlu diserahkan kepada

¹⁰ Bayaran projek merupakan nilai sebenar kontrak kerja yang diperoleh oleh usahawan

usahawan dalam tempoh tujuh hari bekerja. Setakat 31 Disember 2022, semua lebihan bagi 10 sampel skim Bumiputera - Kontrak-i telah dikembalikan oleh TEKUN Nasional kepada usahawan. Butiran terperinci bayaran tersebut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
BAYARAN LEBIHAN NILAI PROJEK DISERAHKAN
KEPADA USAHAWAN SKIM BUMIPUTERA - KONTRAK-I

BIL.	NO. AKAUN PEMBIAYAAN	JUMLAH PEMBIAYAAN (RM)	JUMLAH BAYARAN BALIK DITERIMA* (RM)	LEBIHAN BAYARAN (RM)	TARIKH BAYARAN BALIK DITERIMA	TARIKH LEBIHAN BAYARAN DISERAHKAN**	TEMPOH MASA (Hari Bekerja)
1.	XXXXXXXXXX0360	109,000	379,700	270,700	19.05.2021	19.05.2021	1
2.	XXXXXXXXXX0647	76,300	88,903	12,603	30.04.2021	05.05.2021	4
3.	XXXXXXXXXX0277	41,420	48,570	7,150	20.12.2021	23.12.2021	4
4.	XXXXXXXXXX0337	45,780	53,630	7,850	26.04.2022	27.04.2022	2
5.	XXXXXXXXXX0404	109,000	127,200	18,200	01.11.2022	02.11.2022	2
6.	XXXXXXXXXX0979	103,550	134,273	30,723	29.10.2021	02.11.2021	3
7.	XXXXXXXXXX1260	109,000	181,269	72,269	11.12.2022	13.12.2022	2
8.	XXXXXXXXXX0983	109,000	474,790	365,790	30.11.2021	06.12.2021	5
9.	XXXXXXXXXX1002	109,000	201,400	92,400	29.11.2021	06.12.2021	6
10.	XXXXXXXXXX0974	109,000	238,991	129,991	13.12.2021	07.01.2022	18

Sumber: Bahagian Pembiayaan, TEKUN Nasional dan Analisis Data oleh Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Jumlah bayaran balik diterima oleh TEKUN Nasional bersamaan dengan nilai keseluruhan kontrak

(**) - Tarikh bayaran oleh TEKUN Nasional kepada usahawan

5.2.4.8. Semakan lanjut Audit mendapati **tempoh bayaran bagi lebihan bayaran kepada satu (10%) sampel usahawan skim Bumiputera - Kontrak-i lewat daripada tempoh tujuh hari** yang telah ditetapkan **iaitu 18 hari**. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan dokumen sokongan yang tidak lengkap bagi tujuan bayaran balik lebihan tersebut. Kelewatan ini berkemungkinan akan menjejaskan usahawan membuat pusingan modal untuk melaksanakan projek.

5.2.4.9. Semakan Audit terhadap empat program lain mendapati **semua sampel usahawan** bagi dua program iaitu **CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 gagal membuat bayaran balik mengikut jadual** dengan tempoh tunggakan **sehingga tujuh bulan. Seramai 12 (75%) usahawan SPUMI dan 16 (94.1%) usahawan Mobilepreneur 4.0 juga lewat membuat bayaran balik** dengan tempoh tunggakan **sehingga 12 bulan**.

5.2.4.10. Perkara ini disebabkan perniagaan usahawan terjejas akibat pandemik Covid-19, bencana banjir, keadaan ekonomi yang kurang baik dan penutupan

perniagaan. Kegagalan usahawan membuat bayaran balik pembiayaan menjejaskan dana dalaman TEKUN Nasional serta peluang usahawan lain untuk menerima pembiayaan juga terkesan.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

Bagi mengatasi masalah kesukaran untuk membuat bayaran balik oleh usahawan, TEKUN Nasional akan meneruskan lawatan kutipan, rundingan penjadualan semula dan Pusat Panggilan Kutipan (CCC) serta melaksanakan tindakan litigasi.

Proses tuntutan Bumiputera - Kontrak-i berdasarkan tempoh siap kerja yang ditetapkan. Daripada tujuh sampel usahawan Bumiputera - Kontrak-i yang telah melebihi tempoh enam bulan pembiayaan, tiga sampel telah selesai bayaran; dua sampel masih dalam tuntutan; dan baki dua sampel masih dalam pemantauan. Proses litigasi akan dilaksanakan sekiranya usahawan gagal membuat bayaran balik mengikut prosedur yang ditetapkan. TEKUN Nasional akan meningkatkan tahap penilaian terhadap usahawan dan kontrak kerja supaya permohonan yang lebih berkualiti diluluskan. TEKUN Nasional juga akan sentiasa berhubung secara terus dengan pemberi kontrak berkaitan status bayaran kepada TEKUN Nasional.

Bagi kelewatan bayaran lebihan kepada usahawan Bumiputera - Kontrak-i, TEKUN Nasional akan meningkatkan tahap pemantauan dan kawalan khususnya apabila bayaran balik telah diterima daripada pemberi kontrak bagi mengelakkan berlaku pada masa akan datang.

Pendapat Audit	Secara keseluruhannya, pengurusan bayaran balik pembiayaan adalah kurang memuaskan kerana terdapat usahawan bagi semua program/skim lewat membuat bayaran balik. Selain itu, terdapat juga kelemahan dalam pengurusan skim Bumiputera - Kontrak-i menyebabkan bayaran kontrak kerja berjumlah RM166,083 yang sepatutnya dimasukkan ke dalam akaun TEKUN Nasional, dimasukkan ke dalam akaun usahawan.
-----------------------	--

5.2.5. Pengurusan Tunggakan Pembiayaan

5.2.5.1. Prosedur Pelaksanaan Notis Tuntutan Panel Peguam menetapkan peminjam yang mempunyai tunggakan melebihi tiga bulan perlu dikeluarkan notis tuntutan (NOD). Pendekatan ini bertujuan agar kadar tunggakan usahawan dapat dikurangkan dan seterusnya kedudukan pembiayaan tidak berbayar atau

non-performing financing (NPF) dapat diturunkan. Prosedur tersebut juga menetapkan KPI bagi proses pengeluaran NOD ialah 44 hari bekerja.

5.2.5.2. Semakan Audit telah dibuat terhadap pengeluaran NOD, pengurusan NPF dan pengurusan hutang lapuk. Secara keseluruhannya, **pengurusan tunggakan pembiayaan adalah kurang memuaskan** kerana terdapat **usahawan mempunyai tunggakan selama enam bulan atau lebih**¹¹ **melibatkan kesemua lima program/skim, NOD tidak dikeluarkan serta tidak dikategorikan sebagai NPF**. Seramai **54 (67.5%)** daripada 80 sampel usahawan mempunyai **tunggakan bayaran balik enam bulan dan ke atas**. Ringkasan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN TUNGGAKAN BAGI LIMA PROGRAM/SKIM

PROGRAM/ SKIM	BIL. USAHAWAN DENGAN TUNGGAKAN ≥ ENAM BULAN	BIL. NOD TIDAK DIKELUARKAN	BIL. PEMBIAYAAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPF	TAHAP
Bumiputera - Kontrak-i	6	3	6	Memuaskan
SPUMI	12	10	12	Kurang Memuaskan
CBRM 2.0	10	10	Dikecualikan daripada pengiraan NPF keseluruhan TEKUN Nasional	Kurang Memuaskan
SPIN 2.0	11	11	Dikecualikan daripada pengiraan NPF keseluruhan TEKUN Nasional	Kurang Memuaskan
Mobilepreneur 4.0	15	4	15	Baik
JUMLAH	54	38	33	Kurang Memuaskan

Sumber: Bahagian Penyeliaan Kredit, TEKUN Nasional

a. Pengeluaran Notis Tuntutan (NOD)

- i. Setakat 31 Disember 2022, semakan Audit mendapati **38 (70.4%)** daripada 54 sampel usahawan yang mempunyai tunggakan enam bulan dan lebih, **tidak dikeluarkan NOD dengan nilai tunggakan berjumlah RM301,187**. Ringkasan tunggakan pembiayaan yang masih belum dikeluarkan NOD adalah seperti dalam **Jadual 15**.

¹¹ Semakan bagi pengeluaran NOD dibuat terhadap tunggakan melebihi enam bulan dan ke atas kerana mengambil kira tempoh 44 hari bekerja selepas tiga bulan tunggakan.

JADUAL 15
TUNGGAKAN PEMBIAYAAN ENAM BULAN DAN KE ATAS
SERTA TIDAK DIKELUARKAN NOD SETAKAT 31 DISEMBER 2022

PROGRAM/ SKIM	BIL. SAMPEL	TUNGGAKAN ≥ ENAM BULAN		BIL. USAHAWAN			JUMLAH TUNGGAKAN YANG TIDAK DIKELUARKAN NOD (RM)
		BIL. USAHAWAN	%	A	B	C (%)	
Bumiputera - Kontrak-i	17	6	35.3	3	3	50.0	175,650
SPUMI	16	12	75.0	2	10	83.3	77,082
CBRM 2.0	15	10	66.7	-	10	100	23,520
SPIN 2.0	15	11	73.3	-	11	100	12,411
Mobilepreneur 4.0	17	15	88.2	11	4	26.7	12,524
JUMLAH	80	54	67.5	16	38	70.4	301,187

Sumber: Bahagian Penyeliaan Kredit, TEKUN Nasional

Nota: A - Dikeluarkan NOD B - Tidak Dikeluarkan NOD C - Peratus Tidak Dikeluarkan NOD (%)

- ii. **NOD tidak dikeluarkan kepada semua sampel usahawan** yang mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas bagi **dua program iaitu 10 usahawan CBRM 2.0 dan 11 usahawan SPIN 2.0. NOD juga tidak dikeluarkan kepada tiga (50%) usahawan Bumiputera - Kontrak-i; 10 (83.3%) usahawan SPUMI; dan empat (26.7%) usahawan Mobilepreneur 4.0.**
- iii. Setakat 31 Disember 2022, analisis Audit bagi keseluruhan data pembiayaan tahun 2021 dan 2022 mendapati **4,385 tunggakan pembiayaan telah melebihi tempoh enam bulan dan ke atas.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak 566 (12.9%) pembiayaan berjumlah RM3.90 juta telah dikeluarkan NOD, manakala **3,819 (87.1%) pembiayaan dengan nilai tunggakan berjumlah RM13.83 juta tidak dikeluarkan NOD.** Selain itu, daripada 566 NOD yang telah dikeluarkan, 29 (5.1%) usahawan telah membuat bayaran tunggakan selepas menerima NOD.
- iv. Pihak Audit dimaklumkan kelewatan dalam pengeluaran NOD disebabkan pandemik Covid-19 dan bencana banjir. NOD yang lewat dikeluarkan menyebabkan peningkatan dalam nilai NPF TEKUN Nasional. Perkara ini seterusnya memberi kesan kepada aliran tunai dan keupayaan TEKUN Nasional memberi pembiayaan kepada usahawan baharu pada masa hadapan.

b. Pengurusan Pembiayaan Tidak Berbayar (NPF)

- i. TEKUN Nasional telah menetapkan tunggakan melebihi enam bulan dan ke atas perlu diklasifikasikan sebagai NPF, melibatkan kesemua program/skim pembiayaan yang disemak kecuali CBRM 2.0 dan SPIN 2.0. Ketetapan ini bermakna pinjaman yang telah diklasifikasikan sebagai NPF tidak mempunyai peningkatan dalam segi bayaran balik dan dikategorikan sebagai ingkar atau hampir berada dalam ingkar.
- ii. Sebanyak 33 (61.1%) daripada 54 sampel usahawan yang mempunyai tunggakan enam bulan dan lebih telah disenaraikan sebagai NPF. 33 sampel usahawan ini melibatkan tiga program/skim pembiayaan iaitu Bumiputera - Kontrak-i, SPUMI, dan Mobilepreneur 4.0. Sebanyak 21 sampel lagi melibatkan program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 dikecualikan dari ketetapan ini.
- iii. Kadar NPF program **CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 tidak diambil kira dalam NPF keseluruhan TEKUN Nasional**. Perkara ini telah dinyatakan dalam SOP masing-masing. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2021 dan 2022, pengeluaran pembiayaan bagi program CBRM 2.0 berjumlah RM49.86 juta dan jumlah tertunggak diklasifikasikan sebagai NPF berjumlah RM6.23 juta. Selain itu, pengeluaran pembiayaan bagi program SPIN 2.0 berjumlah RM49.47 juta dan jumlah tertunggak diklasifikasikan sebagai NPF berjumlah RM1.61 juta bagi tempoh yang sama.
- iv. Kadar NPF tidak diambil kira disebabkan kelonggaran pelbagai syarat proses permohonan, kelulusan, dan pemantauan program pembiayaan tersebut. Kelonggaran diberi bagi memastikan pembiayaan dapat disalurkan dengan cepat kepada seberapa ramai usahawan mikro yang terjejas. Bagaimanapun, sesuatu pinjaman yang tiada peningkatan pembayaran berisiko tinggi untuk tidak dibayar balik sepenuhnya. Oleh itu, pinjaman yang tidak berbayar memberi implikasi terhadap kewangan serta untung/rugi syarikat.
- v. Selain itu, **12 (22.2%) daripada 54 sampel usahawan** yang mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas **turut mempunyai lebih daripada satu pembiayaan aktif iaitu antara dua**

hingga empat pembiayaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 16.

JADUAL 16
SENARAI PEMBIAYAAN SEMASA YANG TERTUNGGAK
DAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA SATU PEMBIAYAAN AKTIF

PROGRAM/SKIM	BIL.	NO. AKAUN PEMBIAYAAN SAMPEL USAHAWAN	BIL. PEMBIAYAAN AKTIF
Bumiputera - Kontrak-i	1.	XXXXXXXXXX0205	4
	2.	XXXXXXXXXX0264	3
	3.	XXXXXXXXXX0119	4
SPUMI	4.	XXXXXXXXXX3091	2
CBRM 2.0	5.	XXXXXXXXXX0031	2
	6.	XXXXXXXXXX0294	2
	7.	XXXXXXXXXX0090	2
	8.	XXXXXXXXXX0080	2
	9.	XXXXXXXXXX0131	2
SPIN 2.0	10.	XXXXXXXXXX0539	3
	11.	XXXXXXXXXX0410	2
	12.	XXXXXXXXXX0124	2

Sumber: Jabatan Audit Negara

- vi. Perkara ini berlaku disebabkan polisi TEKUN Nasional yang membenarkan pembiayaan kedua dibuat dalam tempoh penangguhan. Polisi ini perlu dikaji semula bagi memastikan usahawan berkebolehan untuk membuat bayaran balik bagi pembiayaan pertama sebelum pembiayaan kedua atau seterusnya dibuat. Tunggakan yang tidak dijelaskan oleh usahawan akan menyebabkan aliran tunai TEKUN Nasional menurun dan mengurangkan peluang usahawan lain menerima pembiayaan.
- vii. TEKUN Nasional juga didapati menawarkan lebih daripada 30 program/skim. Kepelbagaian program/skim ini membolehkan seorang usahawan mengambil kesempatan memohon pelbagai program/skim dalam satu-satu masa kerana memenuhi kelayakan yang ditetapkan. Situasi ini seterusnya mengurangkan bilangan usahawan yang dapat dibantu oleh TEKUN Nasional. Selain itu, ia juga akan menyukarkan TEKUN Nasional untuk mengurus dan mengawal pematuhan terhadap syarat yang ditetapkan, iaitu dalam aspek proses permohonan hingga aspek bayaran balik. TEKUN Nasional perlu mengkaji semula keperluan program/skim tersebut diteruskan.

c. Pengurusan Hutang Lapuk

- i. Berdasarkan polisi hutang lapuk TEKUN Nasional, pembiayaan hendaklah dikategorikan sebagai hutang lapuk sekiranya tunggakan pembiayaan peminjam TEKUN Nasional melebihi 24 bulan dan telah dikenakan semua tindakan litigasi termasuk pelaksanaan penghakiman. Bagaimanapun, pengurusan TEKUN Nasional boleh mempertimbang untuk melaksanakan hutang lapuk pembiayaan tanpa tindakan litigasi sekiranya perlu. Pembiayaan juga hendaklah diklasifikasikan sebagai hutang lapuk sekiranya peminjam didapati telah berstatus muflis setelah mendapat pembiayaan.
- ii. Semakan Audit mendapati senarai hutang lapuk TEKUN Nasional merupakan rekod hutang lapuk bagi tempoh tahun 2006 hingga 2018. Bagi tahun 2021, jumlah hutang lapuk terkumpul TEKUN Nasional ialah RM523.99 juta melibatkan 92,726 usahawan, manakala bagi tahun 2022 pula, jumlah hutang lapuk terkumpul ialah RM523.98 juta melibatkan 92,724 usahawan.
- iii. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM161.48 juta (30.8%) telah dapat dikutip semula daripada jumlah hutang lapuk terkumpul tahun 2021 dan RM176.20 juta (33.6%) bagi tahun 2022. **Baki hutang lapuk yang masih belum dikutip pada tahun 2021 berjumlah RM362.52 juta dan RM347.79 juta pada tahun 2022.** Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 17**.

JADUAL 17
HUTANG LAPUK BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2022

TAHUN	HUTANG LAPUK		KUTIPAN HUTANG LAPUK		BAKI HUTANG LAPUK	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)	%	JUMLAH (RM Juta)	%
2021	92,726	523.99	161.48	30.8	362.52	69.2
2022	92,724	523.98	176.20	33.6	347.79	66.4

Sumber: Laporan Hutang Lapuk TEKUN Nasional

- iv. Selain itu, analisis Audit turut mendapati **119 usahawan dalam senarai hutang lapuk TEKUN Nasional tidak mempunyai rekod nombor kad pengenalan yang lengkap.** Perkara ini menyukarkan pihak Audit untuk membuat pengesahan status usahawan tersebut sama ada mempunyai pembiayaan tahun semasa dan dalam

masa yang sama turut mempunyai tunggakan hutang lapuk yang belum dijelaskan.

Maklum balas TEKUN Nasional yang diterima pada 7 Jun dan 5 Julai 2023

Setakat ini, TEKUN Nasional telah mengeluarkan sebanyak 37,262 NOD kepada usahawan dengan tunggakan keseluruhan berjumlah RM104 juta.

Kelonggaran syarat permohonan program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0 menyebabkan kedua-dua program ini mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding produk pembiayaan lain. Bagaimanapun, kadar NPF bagi produk ini sentiasa dipantau dan tindakan litigasi tetap diteruskan sebagaimana produk yang lain. TEKUN Nasional telah mengeluarkan NOD kepada 1,346 usahawan CBRM 2.0 berjumlah RM4.40 juta, dan 3,781 usahawan SPIN 2.0 berjumlah RM2.26 juta.

Dalam tempoh pandemik, kebanyakan perniagaan terjejas akibat Covid-19. Bagi memulihkan perniagaan yang terjejas, TEKUN Nasional membenarkan pembiayaan melebihi satu akaun dilaksanakan walaupun dalam tempoh penangguhan (moratorium).

TEKUN Nasional turut mengambil maklum terhadap isu 119 usahawan hutang lapuk yang tidak mempunyai rekod kad pengenalan yang lengkap disebabkan usahawan tersebut menggunakan nombor kad pengenalan lama/kad pengenalan tentera/polis sewaktu membuat permohonan pembiayaan. Sistem sedia ada tidak dapat mengenal pasti sekiranya permohonan baharu dibuat oleh pemohon yang mempunyai sejarah hutang lapuk disebabkan permohonan lama (kelulusan sebelum tahun 2008) dibuat mengguna pakai nombor kad pengenalan lama. Perkara ini menyebabkan semua 119 usahawan tersebut tidak dapat dikesan, dan sebarang tindakan litigasi juga tidak boleh diambil. TEKUN Nasional telah memberi peringatan kepada semua pegawai TEKUN Nasional yang terlibat agar lebih teliti dalam memproses permohonan berdasarkan SOP sedia ada.

Pendapat Audit

Secara keseluruhannya, pengurusan tunggakan pembiayaan TEKUN Nasional bagi tahun 2021 adalah kurang memuaskan kerana terdapat NOD tidak dikeluarkan dan kadar NPF tidak diambil kira bagi program CBRM 2.0 dan SPIN 2.0. Selain itu, pengurusan hutang lapuk tidak memuaskan kerana senarai hutang lapuk bagi pembiayaan yang diluluskan sebelum tahun 2009 tidak mempunyai rekod nombor kad pengenalan yang lengkap.

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

6.1. Secara keseluruhannya, pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan bagi lima program/skim adalah kurang memuaskan.

6.2. Sejumlah RM395 juta (81.4%) dana yang diperuntukkan bagi 11 program diterima. Setakat 31 Disember 2021, dana bagi dua program disalurkan kepada usahawan mengikut peruntukan iaitu CBRM 2.0 dan SPIN 2.0. Dana bagi tiga program telah disalurkan kepada usahawan melebihi peruntukan iaitu TEKUN - Bumiputera RM374.63 juta (187.3%) dengan lebih RM174.63 juta, SPUMI RM30.44 juta (152.2%) dengan lebih RM10.44 juta dan TEKUN Mobilepreneur 4.0 RM9.06 juta (181.2%) dengan lebih RM4.06 juta. Jumlah keseluruhan lebih penyaluran ialah RM189.13 juta. Peruntukan berjumlah RM325 juta yang diterima bagi lima program ini telah disalurkan sepenuhnya kepada usahawan dalam tempoh dua hingga lapan bulan. Dana dalaman berjumlah RM39.13 juta yang digunakan tidak dapat ditentukan telah mendapat kelulusan Lembaga Amanah atau MOF/KUSKOP. Dana bagi enam program pula kurang disalurkan kepada usahawan.

6.3. Aspek aktiviti pembiayaan berkaitan pengurusan permohonan adalah baik. Namun, 13 daripada 80 sampel usahawan tidak mengisi borang permohonan dengan lengkap dan 17 daripada 80 sampel usahawan tidak mengemukakan dokumen sokongan dengan lengkap. Jumlah pembiayaan yang terlibat ialah RM0.74 juta. Selain itu, TEKUN Nasional tidak mempunyai sistem keselamatan yang ampuh bagi mengelakkannya daripada digodam. Permohonan telah diproses walaupun maklumat/dokumen sokongan tidak lengkap. Pengurusan kelulusan pembiayaan juga adalah baik. Bagaimanapun, didapati kurang kawalan terhadap kemasukan data komitmen usahawan ke dalam sistem pemarkahan. Selain itu, permohonan 56 (70%) usahawan telah lewat diproses sehingga 50 hari bekerja melibatkan pembiayaan berjumlah RM0.97 juta, dan 13 (86.7%) usahawan SPIN 2.0 diluluskan tempoh bayaran balik melebihi ketetapan. Seramai 67 (1.9%) usahawan Melayu telah diluluskan pembiayaan SPUMI melibatkan RM1.53 juta.

6.4. Aktiviti program/skim pembiayaan adalah memuaskan. Seramai 52 (65%) daripada 80 usahawan masih menjalankan perniagaan dan 28 (35%) usahawan tidak lagi menjalankan perniagaan. Selain itu, 26 (92.9%) daripada 28 usahawan yang tidak lagi berniaga turut mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas berjumlah RM102,313. Pengurusan bayaran balik pembiayaan pula adalah kurang memuaskan. Bayaran balik bagi 65 (81.3%) usahawan tidak mengikut jadual melibatkan tunggakan berjumlah RM0.64 juta. Tempoh tunggakan adalah sehingga

14 bulan. Selain itu, bagi skim pemfaktoran iaitu Bumiputera - Kontrak-i, terdapat kesalahan bayaran kerja siap diakaunkan kepada usahawan dan bukan diakaunkan kepada TEKUN Nasional. Kesalahan ini menyebabkan usahawan menerima tambahan tunai berjumlah RM166,083 bagi nilai kontrak kerja, di samping RM100,000 pembiayaan TEKUN Nasional.

6.5. Pengurusan tunggakan pembiayaan adalah kurang memuaskan. Seramai 54 (67.5%) usahawan mempunyai tunggakan enam bulan dan ke atas, dan 38 (70.4%) daripadanya tidak dikeluarkan notis tuntutan (NOD) dengan nilai tunggakan berjumlah RM301,187. Selain itu, 12 (22.2%) daripada 54 usahawan turut mempunyai lebih daripada satu pembiayaan aktif iaitu antara dua hingga empat pembiayaan. Secara keseluruhannya, jumlah hutang lapuk terkumpul setakat tahun 2022 ialah RM347.79 juta. Senarai hutang lapuk sebelum tahun 2009 tidak mempunyai rekod nombor kad pengenalan yang lengkap bagi 199 usahawan.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pengurusan dana dan aktiviti pembiayaan TEKUN Nasional, pihak pengurusan dan Lembaga Amanah TEKUN Nasional perlu mengambil langkah yang berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- i. kehilangan data perlu dielakkan dengan penyediaan pangkalan data sokongan dan menjalankan aktiviti penyalinan data secara berkala, serta pembangunan rancangan pemulihan bencana (disaster recovery plan);
- ii. memastikan usahawan yang menerima pembiayaan TEKUN Nasional mempunyai potensi meneruskan perniagaan, dan mempunyai sejarah rekod kredit yang baik untuk membuat bayaran balik. Pengiraan skor kredit perlu mengambil kira tanggungan lain usahawan, dan sistem DSR perlu dikemas kini dengan tepat;
- iii. meningkatkan usaha untuk mengutip bayaran balik mengikut tempoh ditetapkan melalui tindakan penguatkuasaan seperti lawatan ke rumah/premis, pengeluaran NOD serta tindakan litigasi;
- iv. memastikan pengauditan dalaman dilaksanakan bagi mengenal pasti punca ketidakpatuhan dalam proses kelulusan tempoh bayaran balik, penyaluran

pembiayaan kepada kumpulan sasar yang sepatutnya, pembayaran bagi skim pemfaktoran, dan tunggakan pembiayaan. Selain itu, kutipan balik bagi pembayaran kontrak kerja bernilai RM166,083 yang tidak diakaunkan ke TEKUN Nasional hendaklah diselesaikan; dan

- v. mengkaji semula polisi berkaitan pembiayaan kedua atau seterusnya bagi memastikan usahawan berkebolehan untuk membuat pembayaran balik pembiayaan pertama sebelum pembiayaan seterusnya dibuat.